

KEJOHANAN SENI MEMPERTAHANKAN DIRI
SEMPENA HARI KEBANGSAAN 2001

PERATURAN DAN ACARA–ACARA PERTANDINGAN
SENI SILAT SENDENG MALAYSIA

1. PENYERTAAN

1.1 Penyertaan dilakukan secara berpasukan yang mengandungi pegawai dan pesilat seperti berikut :-

Pengurus pasukan	:	1 orang
Jurulatih	:	1 orang
Peserta	:	Lelaki – 6 orang Wanita – 4 orang
Jumlah	:	12 orang

2. KELAYAKAN PESERTA

- 2.1 Hanya ahli-ahli PSSSM sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.
- 2.2 Setiap peserta mestilah berusia 16 tahun ke atas dan tidak melebihi 40 tahun pada tarikh/tahun pertandingan ini.
- 2.3 Setiap peserta mestilah sihat fizikal dan mental.
- 2.4 Setiap peserta hanya layak mendaftar bagi satu pasukan sahaja. Jika terdapat seorang peserta mewakili lebih dari satu pasukan maka penyertaan beliau dalam pasukan berikutnya dianggap tidak sah/batal.

3. PENDAFTARAN

- 3.1 Borang penyertaan yang lengkap dengan nama peserta dan lain-lain maklumat yang diperlukan hendaklah dikemukakan oleh setiap pasukan kepada Jawatankuasa Teknikal sebelum tarikh kejohanan atau sebelum undian dijalankan.
- 3.2 Setiap peserta mestilah mendaftar pada masa pendaftaran pertandingan. Selepas itu, sebarang permintaan untuk menukar nama peserta tidak dibenarkan.

- 3.3 Setiap borang penyertaan hendaklah dilampirkan dengan satu salinan kad pengenalan.
- 3.4 Kad pengenalan asal hendaklah ditunjukkan semasa pendaftaran dijalankan.

4. KATEGORI PERTANDINGAN

4.1 Sebanyak 11 kategori akan dipertandingkan dalam pertandingan ini. Kategori – kategori tersebut adalah seperti berikut :

- i) Kumpulan Tangan Kosong - Lelaki (5 peserta)
- ii) Kumpulan Bersenjata - Lelaki (5 peserta)
- iii) Bergu Bersenjata – Lelaki (2 peserta)
- iv) Bergu Tangan Kosong – Lelaki (2 peserta)
- v) Solo Tangan Kosong – Lelaki (1 peserta)
- vi) Solo Senjata Pendek – Lelaki (1 peserta)
- vii) Solo Senjata Panjang – Lelaki (1 peserta)
- viii) Bergu Bersenjata – Wanita (2 peserta)
- ix) Bergu Tangan Kosong – Wanita (2 peserta)
- x) Solo Tangan Kosong – Wanita (1 peserta)
- xi) Solo Senjata Pendek – Wanita (1 peserta)
- xii) Solo Senjata Panjang – Wanita (1 peserta)

4.2 Huraian

4.2.1 Kumpulan Tangan Kosong

Persembahan yang mengabungkan secara kreatif, mana-mana unsur-unsur pergerakan belebat kuntau, belebat sendeng, belebat kaki, pecah 4,6,toya,12,16 dan 24 secara berkumpulan (5 orang) dalam masa 5 minit dengan iringan gendang silat.. **Peserta diwajibkan membuat kuntau pecah 4 KIRI dalam persembahan masing-masing.**

4.2.2 Kumpulan Bersenjata

Persembahan yang merangkumi secara kreatif unsur-unsur permainan senjata kaedah serangbela (tanpa gelut) secara berkumpulan dalam masa 5 minit dengan iringan gendang silat. Senjata yang dibenarkan ialah **parang** sahaja.

4.2.3 Bergu Bersenjata

Persembahan permainan gelut bersenjata dengan kaedah serangbela yang dipamerkan secara berpasangan (2 orang) dalam masa 5 minit dengan iringan gendang silat. Senjata yang dibenarkan ialah **tongkat** sahaja bagi acara lelaki dan wanita.

4.2.4 Bergu Tangan Kosong

Persembahan permainan gelut tangan kosong dengan kaedah serangbela yang dipamerkan secara berpasangan (2 orang) dalam masa 5 minit dengan iringan gendang silat.

4.2.5 Solo Tangan Kosong

Persembahan yang menggabungkan secara kreatif mana-mana unsur-unsur belebat, kuntau, belebat sendeng, belebat kaki, pecah 4, 6, toya, 8, 12, 16 dan 24 secara individu / solo dalam masa 3 minit dengan iringan gendang silat. **Peserta diwajibkan membuat kuntau pecah 4 KIRI dalam persembahan masing-masing.**

4.2.6 Solo Senjata Pendek

Persembahan yang menggabungkan secara kreatif mana-mana unsur serangbela permainan senjata secara individu / solo dalam masa 3 minit dengan iringan gendang silat. Senjata yang dibenarkan ialah **tekpi I** sahaja bagi acara lelaki dan **tumbuk lada** sahaja bagi acara wanita.

4.2.7 Solo Senjata Panjang

Persembahan yang menggabungkan secara kreatif mana-mana unsur-unsur serangbela permainan senjata **pedang** sahaja secara individu/solo dalam masa 3 minit dengan iringan gendang silat.

5. PERATURAN TEKNIK/CORAK PERTANDINGAN

- 5.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut Undang-Undang dan Peraturan Pertandingan PSSSM.
- 5.2 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut kiraan markah.
- 5.3 Pakaian peserta
 - 5.3.1 Semua peserta dikehendaki memakai pakaian seni silat semasa bertanding. Pakaian selainnya tidak dibenarkan sama sekali.
 - 5.3.2 Pakaian setiap peserta dalam satu pasukan hendaklah seragam.
 - 5.3.3 Pakaian mestilah kemas dan sopan serta bersesuaian dengan pertandingan yang dijalankan.
 - 5.3.4 Ketua Pertandingan berhak membatalkan penyertaan mana-mana pasukan yang didapati menggunakan pakaian yang tidak bersesuaian.
- 5.4 Penampilan
 - 5.4.1 Setiap pasukan dikehendaki menampilkan 1 penyertaan bagi setiap kategori.
 - 5.4.2 Penyertaan pasukan yang menampilkan kurang dari jumlah minimum peserta untuk satu-satu kategori akan dianggap batal untuk kategori berkenaan.
 - 5.4.3 Sebarang gantian peserta tidak boleh dilakukan selepas undian dijalankan.
- 5.5 Muzik
 - 5.5.1 Jawatankuasa Teknikal akan menyediakan muzik silat untuk mengiringi penampilan setiap pasukan. Walaubagaimanapun, setiap pasukan dibenarkan membawa muzik silat sendiri.
 - 5.5.2 Bila terdapat semasa peserta sedang menampilkan pergerakan, iringan muzik terhenti kerana masalah teknikal maka peserta tersebut diberi peluang untuk mengulangi persembahan mereka.
- 5.6 Keluasan gelanggang berukuran 9 x 9 meter.

6. PENGENDALIAN PERTANDINGAN

6.1 PSSSM dikehendaki melantik sebuah Jawatankuasa Teknikal Pertandingan serta menamakan beberapa orang hakim yang berkeelayakan bagi mengendalikan Pertandingan ini dengan sempurna.

6.2 Pengadilan

Pertandingan ini akan diadili oleh barisan hakim-hakim dengan bantuan pegawai-pegawai pertandingan seperti berikut :-

Ketua Pertandingan	-	1 orang
Ketua Hakim	-	1 orang
Hakim	-	3 orang
Setiausaha Pertandingan	-	1 orang
Juruacara	-	1 orang
Penjaga Masa	-	1 orang
Pembantu Gelanggang	-	2 orang

6.3 Penilaian markah akan dikira berdasarkan

Kategori Solo Tangan Kosong, Solo Senjata Pendek, Solo Senjata Panjang, Kumpulan Tangan Kosong dan Kumpulan Bersenjata

a.	Seni	30 markah
b.	Ketangkasan	30 markah
c.	Persembahan	30 markah
d.	Pakaian	10 markah

Jumlah **100 markah**

Kategori Bergu Tangan Kosong & Bergu Bersenjata

a.	Seni	20 markah
b.	Ketangkasan	20 markah
c.	Serang Bela	30 markah
d.	Persembahan	20 markah
e.	Pakaian	10 markah

Jumlah **100 markah**

6.4 Penampilan yang melebihi had masa pertandingan yang dibenarkan tidak akan diambilkira didalam pemberian markah, sebaliknya 10 markah akan dipotong jika pertandingan terus berlarutan sehingga melebihi 30 saat.

- 6.5 Segala keputusan yang berkaitan dengan Pertandingan yang diumumkan oleh Jawatankuasa Teknikal adalah muktamad.

7. TATACARA PERTANDINGAN

- 7.1 Nombor undian pasukan akan dipanggil untuk masuk ke gelanggang.
- 7.2 Peserta memasuki gelanggang dan memberi hormat kepada Ketua Pertandingan dan menunggu isyarat sebelum memulakan pergerakan.
- 7.3 Wisel pertama dibunyikan memandakan bermulanya pertandingan.
- 7.4 10 saat (2 minit 50 saat/4 minit 50 saat) sebelum akhir waktu pertandingan, wisel kedua akan dibunyikan.
- 7.5 Wisel terakhir akan dibunyikan sebanyak 2 kali menandakan cukup waktu pertandingan.
- 7.6 Peserta menamatkan persembahan dan memberi hormat kepada Ketua Pertandingan dan keluar gelanggang.

8. PENENTUAN KEMENANGAN

- 8.1 Apabila terjadi persamaan jumlah nilai, maka pasukan yang mempunyai nilai seni yang lebih tinggi dikira sebagai pemenang.
- 8.2 Sekiranya masih ada persamaan jumlah nilai setelah mengambilkira nilai seni maka nilai tertinggi yang seterusnya diambilkira ialah mulai dari Serang Bela, Ketangkasan, Persembahan dan Pakaian.

9. PENANGGUHAN

- 9.1 Tarikh, masa dan tempat pertandingan yang dijadualkan sama sekali tidak boleh diminta tangguh atau diubah oleh mana-mana pasukan yang mengambil bahagian.
- 9.2 Jawatankuasa Teknikal mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu pertandingan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta merta.
- 9.3 Mana-mana pertandingan yang ditangguhkan menurut para 9.2 diatas, maka Jawatankuasa Teknikal hendaklah menetapkan semula pertandingan yang ditangguhkan itu.

10. HADIAH

Hadiah-hadiah bagi setiap kategori akan diberikan kepada :-

- | | | | |
|----|------------|---|---|
| a. | Juara | - | 1 |
| b. | Naib Juara | - | 1 |
| c. | Ketiga | - | 2 |

11. PERKARA AM

- 11.1 Semua pasukan dikehendaki melaporkan diri ditempat pertandingan 30 minit sebelum pertandingan dimulakan. Jika gagal hadir selepas panggilan yang ketiga oleh Juruacara, maka pasukan tersebut dikira menarik diri.
- 11.2 Penganjur tidak akan menyediakan sebarang kemudahan atau bertanggungjawab kepada penyokong atau orang perseorangan yang tidak tersenarai di dalam pasukan.
- 11.3 Segala perkara yang berbangkit yang tidak tercatat dalam Peraturan ini, Jawatankuasa Teknikal berhak memutuskannya. Keputusan tersebut adalah muktamad.

**PERATURAN DAN ACARA-ACARA
PERTANDINGAN
SENI SILAT SENDENG MALAYSIA**



Julai 5, 2001